

SIARAN MEDIA

HAMPIR RM1 JUTA GERAN MINOR RURAL PROJECT (MRP) DIAGIHKAN DI SANTUBONG

Kuching, 29 November 2020 – Hampir RM1 juta geran dibawah program Minor Rural Project (MRP) telah diedarkan kepada penerima-penerima di daerah Santubong, untuk digunakan bagi akitivi-aktiviti dan projek-projek yang dapat mempertingkatkan kesejahteraan rakyat.

Sebanyak RM854,600 jumlah bantuan telah diserahkan kepada 27 organisasi di kawasan itu oleh Ahli Parlimen Santubong, YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam satu majlis di Penview Convention Center Demak, di sini, semalam.

Antara penerima bantuan tersebut merangkumi sekolah-sekolah, surau, organisasi amal, JKK dan juga NGO di kawasan parlimen Santubong.

Dalam upacara yang sama, ahli parlimen Santubong itu juga mengambil kesempatan untuk menyampaikan dana bantuan khas berjumlah RM17,000, kepada tujuh buah keluarga yang menjadi mangsa kejadian kebakaran di Bintawa baru-baru ini.

Wan Junaidi, yang juga Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), berharap agar peruntukan yang diberikan dapat, sedikit sebanyak, dapat membantu mereka yang hidupnya terjejas akibat Covid-19.

Menurut beliau, selain menghulurkan bantuan, MEDAC juga aktif dalam mengadakan pelbagai program yang dapat membantu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan serta merangsang aktiviti perniagaan untuk masyarakat.

Antara program terbaru yang diperkenalkan termasuk program khidmat penghantaran atau 'delivery riders' yang diperkenalkan oleh Tekun dan SME Corp. Sehingga kini,

kementerian telah berjaya menghasilkan 2,114 riders di bawah program Tekun Mobilepreneur sementara di bawah program SME Corp Micro Connector pula, kementerian mensasarkan untuk mewujudkan 5,000 Warong Riders.

"Saya percaya peluang dan rezeki ada di mana-mana. Kami dapati terdapat peningkatan untuk perkhidmatan penghantaran ini ekoran dari arahan sekatan pergerakan. Ini adalah peluang yang dapat dipertimbangkan oleh masyarakat terutamanya mereka yang kehilangan pekerjaan kerana Covid-19.

"Kepada mereka yang berminat untuk menjadi riders, mungkin mereka patut mempertimbangkan peluang untuk mengikuti program SME Corp Micro Connector dan menjadi salah seorang Warong Riders kami," tambahnya.

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
29 NOVEMBER 2020